AYAT TANYA DALAM BAHASA THAI DAN BAHASA MELAYU: SATU PERBANDINGAN

Norizan Che Su
Zaitul Azma Zainon Hamzah
zan@fbmk.upm.edu.my
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Artikel ini untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam struktur ayat tanya antara bahasa Thai dengan bahasa Melayu, kedua untuk mengenal pasti punca kesalahan dan kesilapan dalam membentuk ayat tanya bahasa Thai dalam kalangan pelajar di Universiti Putra Malaysia, Sampel kajian adalah terdiri daripada 80 orang pelajar yang mempelajari bahasa Thai pada tahap satu hingga tahap tiga. Teori analisis bezaan dan kesalahan diterapkan dalam kajian ini. Daripada kajian ini didapati bahawa ayat tanya bahasa Thai dan bahasa Melayu mempunyai perbezaannya. Hal ini telah menyebabkan pelajar melakukan kesilapan dalam penulisan ayat tanya bahasa ditambah lagi dengan faktor gangguan pada bahasa ibunda.

Kata Kunci: Ayat Tanya, bahasa Thai, Perbandingan

Abstract

This article is to identify similarities and differences in the sentence structure of question form sentences in Thai and Malay language, and to identify sources of errors and mistakes in the formation of question form sentences by Thai language students in University Putra Malaysia. The sample of this study consisted of 80 Level 1 to Level 3 students learning Thai language. Comparative and error analysis theory is applied in this study. It was found that the differences in question form sentences in Thai and Malay languages has led the students to make mistakes in the writing questions in Thai, this disturbance is equally due to the influence of their mother tongue.

Keywords: *Question form sentences, Thai, Comparative*

Pengenalan

Bahasa Thai menpunyai perbezaan dari sudut linguistik dengan Bahasa Melayu. Hal ini disebabkan Bahasa Thai adalah bahasa dari rumpun Sino-Tibet, sedangkan Bahasa Melayu tergolong dalam rumpun Austronesia atau Melayu–Polinesia. Perbezaan ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pembelajaran bahasa Thai sebagai bahasa asing kepada pelajar di Malaysia. Justeru para pelajar yang mempelajari bahasa Thai sebagai bahasa asing di Universiti Putra Malaysia menghadapi beberapa permasalahan dalam menguasai bahasa Thai (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Norizan Che Su, 2004). Kesukaran mempelajari bahasa Thai juga adalah disebabkan oleh perbezaan ayat tanya antara bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa Thai. Dengan demikian pelajar sering melakukan kesalahan dan kesilapan dalam aktiviti lisan dan tulisan dalam bahasa Thai. Justeru, artikel ini cuba mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam struktur ayat tanya yang menjadi punca kesalahan dan kesilapan dalam membentuk ayat tanya bahasa Thai dalam kalangan pelajar di UPM. Aspek perbezaan dan kesalahan ini ditinjau menggunakan pendekatan analisis bezaan dan kesalahan diterapkan dalam kajian ini.

Penyataan Masalah

Dalam mempelajari bahasa Thai di Malaysia, pelajar dipengaruhi oleh pengetahuan bahasa pertama. Hal ini dapat dikesan terutamanya semasa pelajar membina ayat, latihan tatabahasa dan menulis karangan. Hal ini muncul bukan sahaja kerana pengaruh yang kuat tetapi juga disebabkan oleh bahasa pertama yang bertindak telah mendominasi bahasa seseorang itu sehingga menyebabkan kebiasaan menggunakan bahasa itu sukar untuk dilepaskan apabila mempelajari sesuatu bahasa yang lain. Sementara itu kajian Norizan Che Su (2009) mendapati beberapa permasalahan yang timbul dalam membina ayat bahasa Thai oleh para pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah ekoran daripada perbezaan sistem bahasa antara bahasa Thai itu sendiri dengan bahasa pertama pelajar.

Objektif kajian

Kertas kajian ini untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan ayat tanya antara bahasa Thai dengan bahasa Melayu kedua mengenal pasti jenis kesalahan dan kesilapan dalam ayat tanya oleh pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Definisi

Ayat Tanya

Ayat tanya ialah ayat yang digunakan untuk menyoal dan mendapatkan jawapan atau reaksi tentang sesuatu perkara.

Analisis Bezaan

Analisis bezaan atau analisis kontrastif dalam kajian ini merujuk satu teknik menganalisa bahasa yang digunakan oleh pengkaji bahasa untuk perbezaan yang terdapat dalam sesuatu bahasa dengan melakukan perbandingan terhadap sesuatu bahasa yang lain. Analisis kontrastif ialah kaedah sinkronis dalam analisis bahasa untuk menunjukkan persamaan dan perbezaan antara ayat bahasa Thai dengan ayat bahasa Melayu dengan tujuan untuk mencari prinsip yang dapat diterapkan dalam masalah pengajaran bahasa dan pembelajaran bahasa Thai.

Sorotan Kajian

Kajian yang bertajuk “Ayat Tanya Dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina: Satu Analisis Kontrastif” telah dijalankan oleh Chia Teh Heng (1999). Dalam kajian ini Chia Teh Heng meneliti aspek sintaksis bahasa Melayu dan bahasa Cina, khususnya dari segi ayat tanya. Objektif kajian beliau adalah untuk meneliti persamaan dan perbezaan urutan kata dan unsur-unsur pembentukkan ayat tanya. Dalam kajian tersebut, ChiaTeh Heng telah menerapkan kaedah analisis kontrastif yang dipelopori oleh Robert Lado dalam ayat-ayat tanya dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina dan dapatan kajian dihuraikan secara perbandingan dari segi bentuk, maksud, dan distribusi.

Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat ciri-ciri lingusitik dalam pembentukan ayat tanya dalam kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Cina, misalnya, pengunaan partikel sebagai penanda pertanyaan memainkan peranan semantik yang berbeza. Selain itu, ayat tanya berserta kata-kata tanya juga memperlihatkan perbezaan dari segi urutan kata dan unsur pembentukan ayat tanya dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina.

Kajian Chia Teh Heng ini menampakkan satu usaha yang baik dan dapatan kajian beliau ini telah menambah input kajian kontrastif yang melibatkan bahasa Melayu. Sejajar dengan itu penyelidik menjalankan kajian ini dengan tujuan melihat sama ada terdapat persamaan dan perbezaan antara ayat tanya bahasa Thai dengan bahasa Melayu.

Dengan adanya kajian yang melibatkan analisis kontrastif ini, para pengajar dan pelajar bahasa akan lebih mudah belajar sesuatu bahasa terutama bahasa kedua atau bahasa asing, malah mereka dapat mengatasi sebarang kesulitan dalam memahami dan menggunakan bahasa yang baharu dipelajari itu. Hal ini telah dibuktikan melalui kajian Suraiya (1989), yang bertajuk, “Kesilapan Penggunaan Kes Partikel bahasa Jepun”. Dalam kajian beliau, didapati pelajar yang melakukan kesilapan penggunaan partikel kes adalah disebabkan oleh faktor interlingual dan intralingual. Kesilapan ini adalah berpunca daripada masalah kurangnya pendedahan kepada peraturan bahasa Jepun dan kurangnya peluang dalam melatih diri untuk menguasai peraturan bahasa Jepun.

Metodologi Kajian

Sampel kajian adalah terdiri daripada 80 orang pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mempelajari bahasa Thai pada tahap satu hingga tahap tiga. Dalam kajian ini penyelidik menganalisis data kajian berlandaskan dua hipotesis Analisis Kontrastif dan teori analisis kesalahan oleh Lado dan Fries, (1971), dan Teori S.P. Corder, (1974).

Analisis kontrastif digunakan untuk menganalisis perbezaan antara dua bahasa. Menurut Fisiak (1981), analisis konstrastif merupakan subdisiplin dalam bidang linguistik yang menumpukan kepada aspek perbandingan secara sistematik ciri-ciri linguistik tertentu ke atas dua bahasa atau lebih dengan tujuan untuk melihat perbezaan dan persamaan antara kedua-duanya.

Menurut James (1998), analisis kontrastif ialah analisis yang digunakan untuk mencari sesuatu perbezaan yang sering membuat pelajar bahasa kedua mengalami kesulitan untuk memahami dan menguasai bahasa tersebut. Dengan adanya analisis kontrastif ini diharapkan pelajar dapat memahami bahasa kedua atau bahasa asing dengan lebih mudah.

Hipotesis Analisis Kontrastif

Hipotesis analisis kontrastif mempunyai dua versi iaitu versi kuat dan versi lemah. Hipotesis Versi kuat ini didasarkan kepada andaian-andaian seperti yang berikut:

1. Penyebab utama atau penyebab tunggal kesulitan belajar dan kesalahan dalam pengajaran bahasa asing adalah interferensi bahasa ibunda.

2. Kesulitan belajar tersebut sebahagian atau keseluruhannya disebabkan oleh perbezaan di antara bahasa pertama dan bahasa kedua.

3. Semakin besar perbezaan antara bahasa pertama dan bahasa kedua semakin tinggi kesulitan belajar.

4. Hasil perbandingan antara bahasa pertama dan bahasa kedua diperlukan untuk meramalkan kesulitan dan kesalahan yang akan terjadi dalam pembelajaran bahasa asing.

5. Bahan pengajaran dapat ditentukan secara tepat dengan membandingkan kedua-dua bahasa, kemudian dikurangkan dengan bahagian yang sama sehingga perkara yang harus dipelajari pelajar adalah perbezaan yang disusun berdasarkan analisis kontrastif (Lee,1968; Fisiak,1985).

Hipotesis versi lemah pula menyatakan bahawa tidak semua kesalahan berbahasa disebabkan oleh interferensi atau gangguan bahasa pertama. Analisis kontrastif digunakan untuk mengidentifikasi jenis kesalahan yang disebabkan oleh interferensi. Dalam hal ini, analisis kontrastif hanyalah bersifat diagnostik dan disebabkan itulah analisis kontrastif disarankan berkerjasama dengan analisis kesalahan. Dalam hipotesis bentuk lemah ini, dikenal pasti bahawa kesalahan berbahasa adalah disebabkan oleh pelbagai faktor.

Hasil kajian dan Perbincangan

Daripada kajian yang dijalankan, didapati pelajar dapat menghasilkan ayat tanya yang menampakkan unsur persamaan dan perbezaan di antara bahasa Thai dan bahasa Melayu. Ayat tanya yang telah dihasilkan oleh pelajar UPM yang menjadi sumber kepada pembentukan ayat tanya. Berikut ialah contoh ayat yang dihasilkan oleh sampel kajian.

Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya

Ayat tanya tanpa kata tanya ialah ayat tanya yang lazimnya diucapkan dengan nada suara meninggi sebelum mencapai pada akhir ayat. Ayat tanya jenis ini memakai tanda tanya (?) pada akhir ayat tanya, seperti contoh yang berikut:

1. Puan Mariam guru sekolah?
2. Pelajar itu ke perpustakaan?

Ayat tanya tanpa kata tanya di dalam bahasa Thai tidak wujud, dan tanda tanya (?) juga tidak lagi digunakan dalam ayat tanya bahasa Thai.

Ayat Tanya dengan Kata Tanya

Ayat tanya dengan kata tanya, dalam bahasa Melayu boleh dibentuk dengan menggunakan kata ‘ada’, ‘apa’, ‘bila’, ‘siapa’, ‘mana’, ‘berapa’, ‘mengapa’, dan ‘bagaimana’ (ayat tanya tanpa partikel ‘kah’). Satu lagi dengan menambah perkataan

'kah' menjadi perkataan 'apakah', 'siapakah', 'manakah', 'berapakah', 'mengapakah', dan 'bagaimanakah',

Ayat tanya dengan kata tanya dalam bahasa Thai dan bahasa Melayu masing-masing ada perkataan kata tanya seperti 'apa', 'bila', 'siapa', 'mana', 'berapa', 'mengapa', dan 'bagaimana', dan sebagainya. Dalam bahasa Melayu perkataan tanya tersebut terus boleh digunakan sebagai ayat tanya tanpa partikel 'kah' dan satu lagi dengan menambah perkataan 'kah' menjadi perkataan 'apakah', 'bilakah', 'siapakah', 'manakah', 'berapakah', 'mengapakah', dan 'bagaimanakah', perkataan seperti ini sama diguna dalam ayat tanya dalam bahasa Thai. Perkataan tanya tersebut terus menjadi kata tanya, walaupun perkataan tanya itu tidak berubah bentuk tulisan tetapi maksud akan berubah menjadi kata tanya. Contoh perkataan / เมื่อไร / (mûa:rai) bermaksud bila, tetapi apabila perkataan ini di dalam ayat tanya / คุณจะไปเมื่อไร/ (khun cà pai mûa: rai) yang bermaksud 'Bilakah anda akan pergi?' dengan secara langsung perkataan tersebut menjadi kata tanya, sama dengan perkataan tanya bahasa Thai yang lain seperti jadual di bawah.

Perbandingan Kata Tanya bahasa Thai dengan bahasa Melayu

Bahasa Thai	Maksud dalam bahasa Melayu	Maksud kata bahasa Thai apabila di dalam ayat tanya
ใคร (khrai)	Siapa	Siapakah
ทำอะไร (tham a rai)	Buat apa	Buat apakah
ที่ไหน (thî: năi)	Di mana	Di manakah
กับใคร (kàp khrai)	Dengan siapa	Dengan siapakah
อย่างไร (yàng rai)	Bagaimana	Bagaimanakah
เมื่อไร (mûa: rai)	Bila	Bilakah
อะไร (à rai)	Apa	Apakah
กี่ (kì:)	Berapa	Berapakah
เท่าไร (thâw rai)	Berapa	Berapakah
หรือ (rŭ:)	Atau, kah	Atau, kah
ไหม (măi)	Kah	Kah
ใช่ไหม (chây măi)	Ya atau tidak	Ya atau tidak

Sebalik menggunakan perkataan yang mewakili kata tanya seperti ใคร (khrai) yang bermaksud 'siapakah', ทำอะไร (tham a rai) yang bermaksud 'buat apakah', ที่ไหน (thî: năi) yang bermaksud 'di manakah', กับใคร (kàp khrai) yang bermaksud 'dengan siapakah', อย่างไร (yà:ng rai) yang bermaksud 'bagaimanakah' dan sebagainya. Perkara seperti ini sama dengan bahasa Melayu dalam bentuk lisan di hujung ayat diletak partikel 'kah' seperti yang berikut:

B.M. Pelajar itu ke perpustakaankah?

Ayat tanya yang menggunakan partikel tanya ‘kah’ di hujung ayat itu dianggap tidak gramatis dalam bahasa tulisan bahasa Melayu. Ayat tersebut menjadi gramatis apabila konstituen yang menggunakan partikel tanya ‘kah’ diletak di hadapan subjek ayat seperti, ‘Ke perpustakaankah pelajar itu?’. Tetapi ayat seperti ini tidak wujud dalam ayat bahasa Thai walaupun dalam ayat bahasa Thai perlu ada perkataan ‘kah’. Perkataan ‘kah’ perlu diletak pada akhir ayat seperti contoh di bawah:

TR:	nák sùk să:	khon	nán	pai	thî:	hɔ: samùt	rŭ:
BT:	นักศึกษา	คน	นั้น	ไป	ที่	หอสมุด	หรือ
TBM:	Pelajar	orang	itu	pergi	ke	perpustakaan	kah?
BMS:	Pelajar itu kah ke perpustakaan?						

Nota:

TR = tulisan roman
BT = bahasa Thai
TBM = terjemah ke dalam bahasa Melayu
BMS = bahasa Melayu standard

Manakala ayat tanya dalam bahasa Thai juga terdapat dua bentuk iaitu:

Ayat Tanya dengan Kata Tanya

Ayat tanya dengan kata tanya seperti kata. ใคร (khrai), ทำอะไร (tham a rai), ที่ไหน (thî: năi), กับใคร (kàp khrai), อย่างไร (yà:ng rai), seperti contoh yang berikut:

1.

TR:	Suzana	pai	ɔa:n	nang su:	kàp khrai
BT:	ซูซานา	ไป	อ่าน	หนังสือ	กับใคร
TBM:	Suzana	pergi	baca	buku	dengan siapa
BMS:	Dengan siapakah Suzana pergi menbaca buku? .				

2.

TR:	Suzana	pai	ɔa:n	nang su:	thî: năi
BT:	ซูซานา	ไป	อ่าน	หนังสือ	ที่ไหน
TBM:	Suzana	pergi	baca	buku	di mana?
BMS:	Di manakah Suzana pergi menbaca buku? .				

Ayat Tanya yang Perlu Jawapan ‘Ya’ atau ‘Tidak’

Ayat tanya yang perlu jawapan ‘ya’ atua ‘tidak’, seperti contoh yang berikut:

1.

Soalan	khon nán	pen	phî: cha:y khun	chât măi
	คนนั้น	เป็น	พี่ชายคุณ	ใช่ไหม
	Orang itu	ialah	abang anda	ya atua tidak

Jawapan	chât	khon nán	pen	phi: cha:y chăn

ใช่	คนนั้น	เป็น	พี่ชายฉัน
Ya	orang itu	ialah	abang saya

Jawapan	mâi chái	khon nán	pen	phi: cha:y	Ali
	ไม่ใช่	คนนั้น	เป็น	พี่ชายอาลี	
	Tidak/bukan	orang itu	ialah	abang	Ali

Daripada contoh di atas kedua-dua bahasa Thai dan bahasa Melayu mempunyai dua bentuk ayat tanya. Perbezaan daripada segi bentuknya iaitu bahasa Melayu mempunyai ayat tanya tanpa kata tanya, tetapi dalam bahasa Thai tidak wujud. Manakala dalam bahasa Thai ayat tanya 'ya' atau 'tidak' di asing menjadi satu bentuk tetapi dalam bahasa Melayu dimasukkan kedalam ayat tanya dengan kata tanya. Persamaannya dalam ayat tanya 'ya' atau 'tidak' ini hanya memerlukan jawapan daripada pendengar untuk mengesah atau menafikannya ayat seperti ini boleh jawab dalam bentuk pendek dan ringkas seperti 'ya', 'tidak', atau 'bukan'.

Susunan perkataan amatlah penting dalam bahasa Thai oleh sebab jika salah susunan perkataan salahlah daripada segi struktur dan maksud yang hendak disampaikan seperti contoh yang berikut:

1) B.M. Benda itu apa?

BM:	Benda	itu	apa?
TR:	khɔ :ng	nán	À rai
BT:	ของ	นั้น	อะไร

Dan satu lagi bentuk ayat tanya yang menggunakan perkataan 'kah' seperti:

2). B.M. Apakah benda itu?

BM:	Apakah	benda	itu?
TR:	à rai	khɔ :ng	nán
BT:	อะไร	ของ	นั้น

Dalam ayat tanya seperti ayat 'Benda itu apa?' Dalam bahasa Thai bentuk ayat tanya seumpama ini tidak boleh menjadi ayat tanya. Oleh sebab tidak ada kata tanya 'kah' di perkataan 'apa'. Jika perhatikan ayat kedua walaupun sudah ada perkataan 'apakah' tetapi susunan ayat tidak betul strukturnya. Ayat bahasa Thai yang betul strukturnya adalah seperti di bawah:

TR:	nán	khɔ :ng	à rai
BT:	นั้น	ของ	อะไร
TBM:	itu	benda	apakah

Jika di perhatikan kata ‘apa’ (à rai ‘อะไร’) dan ‘apakah’ (à rai ‘อะไร’) dalam bentuk tulisan dalam bahasa Thai tidak ada perubahan daripada segi ejaan, dan kedudukan kata itu sendiri yang membawa maksud menjadi kata tanya seperti contoh ayat di atas.

Satu lagi contoh ayat bahasa Melayu

BM:	Anak	anda	mana?
TR:	lû:k	khun	năi
BT:	ลูก	คุณ	ไหน

Dalam bahasa Thai ayat ‘Anak anda mana?’ susunan perkataan seakan tetapi ayat dalam bahasa Thai perlu ada perkataan penjodoh bilangan. Kedudukkan perkataan penjodoh bilangan terdapat dalam dua bentuk iaitu satu selepas subjek atau sebelum kata tanya dan kedudukan kata tanya ‘manakah’ dalam bahasa Thai boleh diletak di akhir ayat atau selepas penjodoh bilangan seperti berikut:

Kedudukan perkataan penjodoh bilangan selepas subjek dan kata tanya di akhir ayat.

TR:	lû:k	khun	khon	năi
BT:	ลูก	คุณ	คน	ไหน
TBM:	Anak	anda	seorang	manakah?
BMS:	Yang manakah anak anda?			

Kedudukan perkataan penjodoh bilangan sebelum kata tanya.

TR:	khon	năi	lû:k	khun
BT:	คน	ไหน	ลูก	คุณ
TBM:	seorang	manakah	anak	anda
BMS:	Yang manakah anak anda?			

Satu lagi ayat tanya bahasa Melayu yang berbeza daripada ayat tanya dalam bahasa Thai iaitu ’ Berapa orangkah adik lelaki Zana?’ tetapi ayat bahasa Thai seperti contoh di bawah.

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Subjek +	ada +	kategori (orang,benda) +	bilangan +	penjodoh bilangan

BR:	Zana	mi:	nɔ̄:ng cha:y	kì:	khon
BT:	ซานา	มี	น้องชาย	กี่	คน
TBM:	Zana	ada	adik lelaki	berapa	orang
BMS:	Berapa orangkah adik lelaki Zana?				

Kesimpulan

Ayat tanya dalam bahasa Thai dan bahasa Melayu mempunyai bentuk ayat yang sama, iaitu perlu menerima partikel-*kah* dalam bentuk bahasa tulisan bagi bahasa

Melayu tetapi dalam bahasa Thai tidak kira dalam bentuk lisan atau tulisan perlu ada perkataan –*kah* itu.

Kesilapan

Pelajar banyak melakukan kesilapan disebabkan pelajar terpengaruh dengan struktur ayat tanya bahasa Melayu. Antara contoh ayat adalah seperti yang berikut:

1. **Kesilapan dengan ketiadaan kata tanya di dalam ayat tanya**

BR:	khun	chɔ̄:p	a:hă:n	Thai
BT:	คุณ	ชอบ	อาหาร	ไทย

TBM:	anda	suka	makanan	Thai
BTS:	Adakah anda suka makanan Thai ?			

Ayat bahasa Thai yang betul adalah seperti ayat di bawah:

BR:	khun	chɔ̄:p	a:hă:n	Thai	măi
BT:	คุณ	ชอบ	อาหาร	ไทย	ไหม

TBM:	anda	suka	makanan	Thai	kah
BTS:	Adakah anda suka makanan Thai ?				

2. Kesilapan dalam penyusunan perkataan

Penyusunan perkatan mengikut struktur bahasa Melayu dan bahasa Inggeris

2.1 Mengikut Struktur Bahasa Melayu

BM:	Siapa	sudah	berkhawin
BT:	ใคร	แล้ว	แต่งงาน

TR:	khrai	lɛ:w	tɛ:ng nga:n

Ayat bahasa Thai yang betul adalah seperti ayat di bawah:

BR:	khrai	tɛ:ng nga:n	lɛ:w
BT:	ใคร	แต่งงาน	แล้ว

TBM:	Siapakah	Berkhawin	sudah
BMS:	Siapakah yang sudah berkhawin?		

2.2 Mengikut Struktur Bahasa Inggeris

TBM:	anda	kakak	berkerja	sudah
BT:	คุณ	พี่สาว	ทำงาน	แล้ว

TR:	khun	phî: să:w	tham nga:n	lɛ:w

Ayat bahasa Thai yang betul adalah seperti ayat di bawah:

TBM:	kakak	anda	berkhawin	sudah	kah
BT:	พี่สาว	คุณ	แต่งงาน	แล้ว	หรือ
TR:	phî: să:w	khun	tɛ:ng nga:n	lɛ:w	rü:
BMS	Adakah kakak anda sudah berkahwin ?				

Daripada contoh di atas, didapati para pelajar dipengaruhi oleh sistem bahasa pertama iaitu tiada kata tanya dalam ayat tanya bahasa Thai kedua perkataan / lɛ:w/ แล้ว yang bermaksud 'sudah' mesti diletakkan di akhir ayat sebelum kata tanya. Hal ini berlaku kerana tahap perolehan B2 adalah sangat lemah, yang menyebabkan sistem B1 dimanipulasi dalam cara pembentukan ayat dalam B1. Sistem B1 telah melalui proses peralihan dalam B2 tanpa disedari.

Impilkasi Dapatan Kajian

1. Membantu guru bahasa asing memilih dan menggunakan strategi dan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan latar belakang pelajar dan proses semula jadi dalam proses pembelajaran bahasa asing tanpa mengabaikan aspek linguistik bahasa asing dengan bahasa ibunda pelajar.

2. Pemahaman dalam memahami ayat tanya dengan mencari unsur persamaan dan perbezaan dalam bahasa yang dipelajari dapat membantu seseorang mengurangkan kesalahan dalam pembelajaran bahasa asing. Melalui pengalaman mengecam perbezaan antara kedua-dua bahasa, seseorang pelajar dapat mencari pendekatan baru dalam usaha mempelajari sesuatu bahasa itu.

3. Analisis kontrastif boleh diaplikasikan pada semua peringkat umur pelajar dan dalam pelbagai situasi pembelajaran bahasa asing. Dalam hal ini, kebijaksanaan dan keupayaan guru bahasa dalam merancang dan mengatur strategi pengajaran harus bersesuaian dengan tahap pembelajaran pelajar serta situasi pembelajaran di Malaysia.

4. Aplikasi analisis kontrastif dalam kajian ini dapat mendedahkan struktur linguistik dalam kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Thai yang seterusnya dapat menyumbang kepada penerapan kaedah, teknik dan bahan pembelajaran yang lebih efektif.

Kesimpulan

Ayat tanya dalam bahasa Thai dan bahasa Melayu mempunyai bentuk ayat yang sama, iaitu perlu menerima partikel-*kah* dalam bentuk bahasa tulisan bagi bahasa Melayu tetapi dalam bahasa Thai tidak kira dalam bentuk lisan atau tulisan perlu ada perkataan–*kah* itu.

Terdapat kesalahan dan kesilapan yang masih dilakukan oleh para pelajar. Kesalahan dan kesilapan ini berpunca daripada kelemahan pelajar dalam menguasai tatabahasa Thai dan pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dalam

pembelajaran bahasa Thai sebagai bahasa asing yang seterusnya menimbulkan kekeliruan kepada pelajar untuk menghasilkan ayat tanya yang betul.

Kesilapan juga boleh berlaku disebabkan oleh faktor gangguan pada bahasa ibunda (Juriah, 1994). Hal yang sama juga dinyatakan oleh Lado (disebut oleh Farid M. Onn, 1983) bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar tentang sesuatu aspek bahasa kedua akibat gangguan pada kebiasaan menggunakan unsur bahasa pertama. Kenyataan Lado, disokong oleh, Farid dan Ajid (1981), Kadir Amin (1981) dan Raminah Sabran (1983) yang mengatakan bahawa gangguan bahasa pertama ke atas bahasa kedua sememangnya berlaku dan jumlahnya adalah besar sekali.

RUJUKAN

Alicio, Atilio V. (1996). *Contrastive Analysis And Error Analysis : The Verbal Systems Of Malay And Spanish***.** Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya

Amara Prasithrathsint, Yupapan Hoonchamlong, Saranya Savetamalya. (2003). *Grammatical Theories.* Bangkok: Chulalongkorn Universiti

Carl James. (1998). *Errors in Language Learning and Use.* England: Longman.

Chia Teh Heng. (1999). *Ayat Tanya dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina : Satu Analisis Kontrastif* . (M.M.L.S.), Universiti Malaya.

Corder S.P (1981). *Error Analysis and Interlanguage.* London:Oxford University Press.

Henry Guntur Tarigan. (1992). *Pengajaran Analisis Kontrastif Bahasa*. Bandung: ANGKASA

Koh Boh Booh. (1981). *Pengajaran Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur : Utusan.

Kosum Wandilok. (1982). *Priapthiap le Wikhophasa:Thai-akrit.* Bangkok: Srinakharinwirot Universiti Bangkhen.

Raminah Hj. Sabran, 1983. *Satu Analisis Kesilapan Nahu Penutur Jati Bahasa Melayu di Kalangan Guru Pelatih*, tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.

Norizan Che Su. (2009). *Analisis Kontrastif Sintaksis Bahasa Melayu dan Bahasa Thai.* Tesis Doktor Falsafah, Serdang: Universiti Putra Malaysia.

---------- et al. (2009). *The Contrastive and Syntax Analyses in the Thai and Malay Languages*: The International Journal of The Humanities. Volume 6, Issue 10.

---------- et al. (2009). *Problems in Learning the Thai Language as a Foreign Language*: The International Journal of The Humanities. Volume 6, Issue 12.

Muhammad Salaebing (2011), Kadir Amin (1981), Farid dan Ajid (1981), dan Suraiya. (1989). *Pencemaran Bahasa:* http://www.scribd.com/doc/51648086/pencemaran-bahasa.

Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Norizan Che Su. (2004). *Peranan Media Dalam Meningkatkan Pembelajaran Dan Penguasaan Bahasa Thai Sebagai Bahasa Kedua:* FBMK,UPM